

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina pusat-pusat tarikan pelancongan baru di negeri Sabah seperti membina "*Grand Bazaar*" (model Istanbul) yang akan memberi ruang perniagaan yang moden, ikonik berskala besar di Kota Kinabalu memandangkan pusat perniagaan produk pelancongan sedia ada di kawasan Sinsuran sangat daif dan tidak menarik langsung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai cadangan untuk membina pusat tarikan pelancongan baru di negeri Sabah seperti membina "*Grand Bazaar*" (model Istanbul) memandangkan cadangan pembangunan sesebuah lokasi pelancongan baru adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, saya mengalu-alukan Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangan pembangunan tersebut secara terperinci kepada Kementerian ini melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) untuk diberi pertimbangan.

Secara umumnya bagi cadangan pembangunan projek pelancongan yang akan datang terutama sekali di kawasan Kudat, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.